

# 'PM setuju tangguh pemansuhan'

BH - 28/12/2019 10/12

Isu jadi keutamaan mesyuarat pertama Kabinet 2020

Oleh Mohd Azrone Sarabatin dan Suhaila Shahrul Annuar  
bhnews@bh.com.my

**Gombak:** Tun Dr Mahathir Mohamad bersetuju pemansuhan Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) ditangguhkan dan Kabinet akan berbincang mengenai isu itu dalam tempoh terdekat.

Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, ketika berkongsi persetujuan Perdana Menteri itu, menyifatkan kesediaan Dr Mahathir membenarkan penangguhan pemansuhan terbabit sebagai kesediaan kepemimpinan negara mendengar keluhan generasi muda negara ini.

Katanya, beliau menghubungi Perdana Menteri semalam, bagi menyuarkan keresahan golongan muda seperti doktor, ahli farmasi dan jururawat yang bakal terbabit dengan pemansuhan insentif berkenaan.

"Saya menghubungi Perdana Menteri yang ketika ini berada di Jepun pada jam 12 tengah hari tadi (semalam) memaklumkan mengenai isu berkenaan dan beliau bersetuju untuk menangguhkan pemansuhan BIPK.

"Hasil perbincangan kami, Dr Mahathir juga bersetuju isu itu akan menjadi keutamaan pada



**Syed Saddiq bersama pelajar UIAM** selepas program Solat Hajat Perdana dan Qunut Nazilah untuk rakyat Ugyhur dan Kashmir di pekarangan Masjid Haji Sultan Ahmad Shah, UIAM, Gombak, semalam. (Foto Owee Ah Chun/BH)

mesyuarat pertama Kabinet tahun 2020, bulan depan" katanya.

Beliau ditemui media selepas program Solat Hajat Perdana dan Qunut Nazilah untuk masyarakat Islam Ugyhur dan Kashmir di Masjid Sultan Ahmad Shah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), di sini, semalam.

JPA menerusi satu pekeliling yang dikeluarkan Jumaat minggu lalu, antara lain mengumumkan bakal memansuhkan lapan elaun bermula tahun hadapan.

Ia termasuk BIPK, Bayaran Insentif Angkat Najis, Bayaran Insentif Menaip Jawi, Elaun Keranian kepada Setiausaha Sulit dan Setiausaha Sulit Kanan serta beberapa elaun lagi.

Langkah itu mendapat bantahan banyak pihak termasuk Syed Saddiq, yang menyarankan supaya elaun ahli politik dan menteri terlebih dahulu dipotong, bukannya elaun kritikal yang selama ini dinikmati oleh doktor, ahli farmasi serta jururawat muda.

Sebagai permulaan, Syed Saddiq turut memendekkan cuti ta-

hun dan memulangkan peruntukan yang diterima sebagai elaun percutian, selain mengurangkan 10 peratus gajinya.

Sementara itu, Kementerian Kesihatan enggan mengeluarkan sebarang kenyataan berhubung penangguhan pemansuhan BIPK yang membabitkan 33 skim perkhidmatan kritikal terbabit sehingga pengumuman rasmi daripada Pejabat Perdana Menteri atau Jabatan Perkhidmatan Awam.

Sebelum ini, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ah-

**Kesediaan Dr Mahathir membenarkan penangguhan pemansuhan terbabit sebagai kesediaan kepemimpinan negara mendengar keluhan generasi muda negara ini. Hasil perbincangan kami, Dr Mahathir juga bersetuju isu itu akan menjadi keutamaan pada mesyuarat pertama Kabinet tahun 2020, bulan depan.**

**Syed Saddiq Syed Abdul Rahman,** Menteri Belia dan Sukan

mad, menerusi laman Twitter rasminya, berkata beliau akan memantau perkembangan mengenai perkara ini.

Katanya, keperluan setiap Kementerian pastinya berbeza dan ia wajar dibawa kepada Kabinet sekali lagi untuk dibincangkan.

Beliau juga menugaskan Timbalannya, Dr Lee Boon Chye bersama Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah Kesihatan kementerian untuk mengadakan pertemuan dengan JPA bagi membincangkan pekeliling mengenai elaun BIPK itu.